

| | | | |
|-------------|--------------------------------------|------------|---------------|
| Headline | Sunway Carnival Mall berwajah baharu | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Utara) | | |
| Date | 04 Mar 2018 | Language | Malay |
| Circulation | 160,000 | Readership | 509,000 |
| Section | NEWS | | |
| ArticleSize | 394 cm ² | Page No | 40 |
| PR Value | RM 8,280 | Journalist | MOHD ISKANDAR |



Bakal bangunkan kompleks baharu dengan kos RM500 juta

MOHD ISKANDAR OTHMAN

SEBERANG JAYA

Pusat membeli-belah Sunway Carnival Mall akan menyaksikan peningkatan prestasi perniagaannya apabila ia bakal membangunkan kompleks baharu yang menelan kos pelaburan sekitar RM500 juta.

Kompleks baharu yang terletak bertentangan dengan pusat beli-belah lama itu dijangka dibuka kepada orang awam pada 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif Amanah Pelaburan Hartanah Sunway (Sunway REIT), Datuk Jeffrey Ng Tiong Lip berkata, selepas sedekad Sunway Carnival Mall beroperasi dengan mencatatkan lapan juta pengunjung setahun, ia mendorong pihak syarikat membesarkan perniagaan pusat beli-belah berkenaan.

"Dengan projek pengembangan ini, jumlah kedai juga akan meningkat daripada 220 kepada 450 kedai yang akan menjual pelbagai produk tempatan mahupun antarabangsa," katanya pada sidang media selepas Majlis Pecah Tanah Projek Pembesaran Kompleks Beli Belah, Sunway Carnival Mall yang dirasmikan Ketua

Sunway Carnival Mall berwajah baharu



info ● Jangka dibuka kepada orang awam pada 2022

Menteri, Lim Guan Eng, di sini, semalam.

Jeffrey berkata, apabila projek yang dijalankan itu siap sepenuhnya, ia dijangka dapat menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk di negeri ini

Ilustrasi wajah baharu pusat beli-belah Sunway Carnival Mall.

khususnya di kawasan Seberang Perai.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, beliau berkata, Sunway Group juga merancang untuk membina sebuah pusat perubatan dengan pelaburan mencecah RM500 juta di Seberang Jaya, di sini, pada suku kedua, tahun ini.

Katanya, pembinaan itu sebahagian



Guan Eng melancarkan majlis pecah tanah itu, semalam.



Guan Eng melancarkan majlis pecah tanah itu, semalam.

rancangan daripada pelan induk syarikat yang mahu membangunkan bandar Seberang Jaya ke arah lebih berprestij tinggi.

Menurutnya, bahagian penjagaan kesihatan Sunway meneroka pasaran perniagaan di Pulau Pinang dan merancang membina pusat perubatan dilengkapi peralatan serta kemudahan terkini.